

# PHARMANIAGA FOLIC ACID TABLET

Folic Acid (5mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Pharmaniaga Folic Acid Tablet
2. Bagaimana Pharmaniaga Folic Acid Tablet berfungsi
3. Sebelum mengambil Pharmaniaga Folic Acid Tablet
4. Cara menggunakan Pharmaniaga Folic Acid Tablet
5. Semasa menggunakan Pharmaniaga Folic Acid Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Folic Acid Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Pharmaniaga Folic Acid Tablet

Folic Acid adalah dari kumpulan Vitamin B yang diperlukan untuk pertumbuhan sel-sel darah merah yang sihat. Folic acid digunakan untuk:

- Merawat anemia kekurangan folate akibat pemakanan kurang berzat
- Merawat keadaan di mana lebih folate diperlukan seperti semasa mengandung dan bagi bayi
- Merawat keadaan kurang hadaman makanan berlaku (contoh masalah penghadaman, selepas pembedahan perut di mana sebahagian perlu dikeluarkan)
- Mengelakkan keadaan kekurangan folate dalam badan akibat penggunaan ubat tertentu seperti ubat sawan dan penyakit tertentu)

## Bagaimana Pharmaniaga Folic Acid Tablet berfungsi

Folic Acid bertindak bersama dengan Vitamin B12 untuk penghasilan sel-sel darah merah yang normal dan juga membantu tindakan zat besi di dalam badan. Folic Acid ini diperlukan dalam pengeluaran bahan genetik (DNA dan RANA) dan penting untuk pertumbuhan sel dan tisu terutama sekali pada bayi, remaja dan semasa hamil.

## Sebelum mengambil Pharmaniaga Folic Acid Tablet

### -Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Pharmaniaga Folic Acid Tablet dan terus maklumkan doktor anda dengan segera jika anda:

- ada alahan atau alergi kepada folic acid atau bahan-bahan yang terkandung di dalam ubat ini
- diberitahu bahawa anda kekurangan Vitamin B12 termasuklah keadaan 'pernicious anaemia'
- mengalami anaemia atau penyakit darah yang lain.
- menghidap kanser.
- Mengambil multivitamin lain

### Hamil dan menyusukan bayi

Pharmaniaga Folic Acid Tablet boleh digunakan semasa mengandung tetapi sila beritahu doktor atau ahli farmasi sekiranya anda hamil atau sedang merancang untuk hamil sebelum makan apa-apa ubat.

Jangan ambil Pharmaniaga Folic Acid Tablet jika anda sedang menyusukan bayi. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

### -Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor atau ahli farmasi sekiranya anda ada alergi/alahan terhadap sebarang ubat, makanan, pengawet atau pewarna.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil sebarang ubat lain termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Pharmaniaga Folic Acid Tablet

Ambil Pharmaniaga Folic Acid Tablet seperti yang telah disarankan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Bertanya kepada doktor atau ahli farmasi jika anda tidak memahami arahan pada label preskripsi.

Ambil tablet ini bersama dengan air. Pharmaniaga Folic Acid Tablet boleh diambil sebelum atau selepas makan.

### -Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini.

Dos Pharmaniaga Folic Acid Tablet telah ditetapkan oleh doktor dan dos akan bergantung kepada keadaan anda dan mungkin berbeza-beza.

Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### Dewasa:

Anaemia: 2 hingga 4 tablet setiap hari untuk 14 hari atau sehingga respon 'haemopietic' diperolehi.

Dos lanjutan hari-hari: Separuh hingga 2 tablet.

### Kanak-kanak:

Dos harian boleh diberikan seperti dibawah:-

Sehingga 1 tahun - 250 mcg/kg/hari  
1 hingga 5 tahun – Separuh tablet setiap hari  
6 hingga 12 tahun – Satu tablet setiap hari

Dos pengejalan dua kali ganda boleh diberikan selama 2 hari sebagai dos permulaan.

### -Bila perlu digunakan

Pharmaniaga Folic Acid Tablet disyorkan diambil pada masa yang sama setiap hari.

### -Berapa lama perlu digunakan

Teruskan mengambil ubat ini seperti yang diarahkan oleh doktor.

Amatlah penting untuk meneruskan pengambilan ubat ini walaupun anda sudah berasa sihat.

# PHARMANIAGA FOLIC ACID TABLET

Folic Acid (5mg)

Tempoh rawatan dengan Pharmaniaga Folic Acid Tablet ditentukan oleh doktor anda.

## -Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

## -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Walaupun bagaimanapun, kesan pengambilan dos Pharmaniaga Folic Acid Tablet yang berlebihan sangat jarang berlaku.

## **Semasa menggunakan Pharmaniaga Folic Acid Tablet 5mg**

### -Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor atau ahli farmasi sekiranya simptom anda tidak berkurangan. Doktor akan memeriksa keadaan anda dan akan memberitahu sama ada anda perlu meneruskan pengambilan ubat ini atau tidak.

Sekiranya anda perlu mendapat rawatan lain, maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi bahawa anda sedang menggunakan Pharmaniaga Folic Acid Tablet.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Pharmaniaga Folic Acid Tablet dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

Ubat ini mempunyai laktosa dan sukrosa. Jika anda diberitahu bahawa badan anda tidak dapat bertoleransi dengan kumpulan gula hubungi doktor anda sebelum mengambil ubat ini.

### **Kesan-kesan sampingan**

Sama dengan ubat lain, Pharmaniaga Folic Acid Tablet boleh membawa kesan sampingan pada sesetengah orang.

Walaupun ia biasanya boleh diguna tanpa masalah, beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapati kesan sampingan yang berikut:

#### • **Alahan alergik**

Alahan seperti gatal-gatal, kulit kemerahan, bengkak di muka, bibir, lidah/tekak atau kesukaran untuk bernafas dan menelan makanan.

#### • **Perut dan Usus**

Hilang selera makan, rasa tidak sihat, perut rasa kembung dan berangin.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550 atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public* → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

### **Cara Penyimpanan dan Pelupusan Pharmaniaga Folic Acid Tablet 5mg**

#### - Penyimpanan

Pastikan semua ubat tidak dapat dilihat dan dicapai oleh kanak-kanak.

Simpan ubat ini di tempat yang sejuk dan kering di mana suhunya sentiasa dibawah 30°C. Lindungi dari cahaya.

Jangan simpan ubat didalam bilik mandi, berdekatan dengan sinki atau tingkap.

Jangan meninggalkan ubat ini di dalam kereta semasa cuaca panas. Keparasan dan kelembapan akan merosakkan sesetengah ubat.

Jangan ambil ubat ini sekiranya telah melewati tarikh tamat tempoh yang dicetak pada bungkusannya.

### -Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah.

Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

### **Maklumat lanjut**

#### -Rupa dan warna produk

Tablet berwarna kuning berbentuk bulat dengan bucu menyerong dan garis belahan di satu permukaan.

#### -Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:

Setiap tablet mengandungi Folic Acid 5mg

- Bahan tidak aktif:

Magnesium Stearate, Talcum, Starch, Kollidon, Lactose.

#### -Nombor MAL

MAL19961343XZ

### **Pengilang**

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D),

11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

### **Pemegang Pendaftaran Produk**

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D),

11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

### **Tarikh kemaskini RiMUP**

26/10/2017

### **Nombor Siri**

NPRA(R4/1)261017/00286